

**REKA CORAK DALAM SENI MANIK MASYARAKAT
RUNGUS DI SABAH: DALAM KONTEKS
FORMALISTIK**



SITI FARIZA BINTI MAHFAR

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

**REKA CORAK DALAM SENI MANIK
MASYARAKAT RUNGUS DI SABAH: DALAM
KONTEKS FORMALISTIK**

SITI FARIZA BINTI MAHFAR

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SASTERA**



**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 Oktober 2018

Siti Fariza binti Mahfar

MA1421179T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SITI FARIZA BINTI MAHFAR**

NO.MATRIK : **MA1421179T**

TAJUK : **REKA CORAK DALAM SENI MANIK MASYARAKAT
RUNGUS DI SABAH: DALAM KONTEKS FORMALISTIK**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA
(SENI VISUAL)**

TARIKH VIVA : **27 SEPTEMBER 2018**

DISAHKAN OLEH

**1. PENYELIA
Dr.Humin Jusilin**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia utama saya yang dikasihi iaitu Dr.Humin Jusilin atas segala ilmu yang dicurahkan, bimbingan serta nasihat yang amat berguna kepada saya untuk dijadikan panduan pada masa akan datang. Ribuan terima kasih kepada suami tercinta Mohd Naquib Carmeil yang menjadi tulang belakang dan sentiasa memberi semangat serta berkorban dari segi kewangan dan masa untuk saya meneruskan perjuangan sebagai seorang pelajar. Bapa saya iaitu Mahfar bin Md. Ayob dan ibu, Latipah binti Jupri yang sentiasa menyokong dan mendoakan kejayaan saya tanpa henti. Tidak dilupakan kepada rakan-rakan yang membantu mencurahkan idea dan pandangan yang bernas untuk saya menyiapkan tesis ini.

Siti Fariza binti Mahfar

1 Oktober 2018



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Manik adalah bahan artifak yang awal diciptakan oleh manusia iaitu sejak puluhan ribu tahun yang lalu. Sejarah menunjukkan bahawa bahan manik menjadi bahan terpenting dalam perdagangan di Asia Tenggara dan sering ditemui di tapak-tapak arkeologi. Masyarakat Rungus di Sabah amat terkenal dengan penggunaan seni manik dalam pakaian, ritual dan adat istiadat. Manik diperbuat daripada pelbagai material dan mengandungi pelbagai bentuk serta warna. Pada umumnya, manik dicipta sebagai barang perhiasan tubuh tetapi berkembang menjadi bahan bekalan kubur, keagamaan, matawang, hantaran kahwin, azimat, ritual, simbol kemewahan dan sebagai hadiah harta pusaka. Kearifan pemikiran masyarakat Rungus digambarkan dalam pelbagai imej reka corak yang dihasilkan. Setiap corak dan motif manik memaparkan simbolisme, pemikiran dan pandangan hidup mereka. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kerja lapangan bagi mengumpul data dan menganalisis reka corak dan motif manik. Pendekatan yang digunakan untuk menganalisis data ialah daripada teori Joseph Darracot melalui tiga peringkat, iaitu deskripsi, interpretasi dan evaluasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa motif seni manik adalah simbolisme budaya Rungus, yang diterjemahkan daripada unsur tumbuhan, haiwan dan alam yang kaya dengan maksud secara tersurat dan tersirat. Keunikan ini merungkai makna simbolisme, nilai murni, budaya, identiti serta pemikiran masyarakat Rungus melalui seni manik. Justeru itu, seni manik harus dilestarikan sebagai satu warisan etnik dan lambang jati diri.

ABSTRACT

PATTERN DESIGN IN BEADS ART OF RUNGUS SOCIETY IN SABAH: IN FORMALISTIC CONTEXT

Beads are one of the earliest artefacts created by human beings since thousands of years ago. History shows that beads are the significant item for trading in Southeast Asia and are often found on archaeological sites. The Rungus community in Sabah is very well known for the use of beaded art in clothings, rituals and customs. The beads are made of various materials and comes in various shapes and colours. Generally, beads are created as adornment but it evolved into grave offerings, religious ceremonies items, as currency, wedding gifts, charms, rituals, symbols of luxury and gifts of inheritance. The Rungus community's wisdom of thought is depicted in various images of pattern designs produced. Each bead's patterns and motifs display their symbolism, thoughts and views. This study was carried out using field work methods to collect data and analyse patterns and motifs of beads. The approach used to analyse data is from Joseph Darracot's three stage theory which is description, interpretation and evaluation. The results of the study show that the motifs of bead art in the Rungus culture is a symbolism translated into plants, animals and nature elements which is rich in its explicit and implicit meaning. This uniqueness unravel the meaning of the symbolism, virtue, culture, identity and thoughts of the Rungus community through the art of beads. Hence, it has to be preserved as an ethnic heritage and the emblem of their identity.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1: PENGENALAN KAJIAN	
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Permasalahan kajian	4
1.3 Objektif kajian	6
1.4 Soalan kajian	6
1.5 Kepentingan kajian	6
1.6 Metodologi kajian	7
1.6.1 Teori atau pendekatan	11
1.6.2 Strategi penyelidikan	13
1.7 Lokasi kajian	14
1.8 Batasan kajian	16
1.9 Huraian istilah	16
1.9.1 Reka corak	16
1.9.2 Symbolisme	20

1.9.3	Seni manik	22
1.10	Istilah Formalistik	23
1.10	Penutup	24

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	25
2.2	Seni Manik	25
2.3	Sejarah Manik	25
2.4	Kajian Tentang Fungsi dan Symbolisme Manik	29
2.5	Kajian Tentang Motif Manik	31
2.6	Kajian Manik di Eropah	32
2.7	Kajian Manik Borneo	33
2.8	Kajian Manik di Malaysia	38
2.9	Manik Masyarakat Rungus	40
2.9.1	Latar Belakang Masyarakat Rungus	41
2.9.2	Penempatan Masyarakat Rungus	44
2.9.3	Kraf tangan Masyarakat Rungus	47
2.9.4	Pakaian Tradisi Rungus	48
2.10	Estetika	52
2.11	Penutup	52

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	54
3.2	Kaedah Penyelidikan	54
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	56
3.3.1	Pemerhatian	56
3.3.2	Temu bual	59
3.3.3	Panduan Temu Bual Kepada Informan	61
3.3.4	Dokumentasi	62
3.4	Strategi Penyelidikan	63

3.5	Limitasi Penyelidikan	64
3.6	Etika Penyelidikan	64
3.7	Bahan Kajian (Kerja Lapangan)	65
3.8	Analisis Data	69
	3.8.1 Peringkat Deskripsi	69
	3.8.2 Peringkat Formalistik	69
	3.8.3 Peringkat Interpretasi	70
	3.8.4 Peringkat Evaluasi	71
3.9	Indikator Penelitian Joseph Darracot (1991)	73
	3.9.1 Model Analisis Kajian	75
3.10	Penutup	76

BAB 4: ANALISIS REKA CORAK DAN SIMBOLISME MANIK RUNGUS

4.1	Pendahuluan	77
4.2	Pembahagian (Jenis) Manik Masyarakat Rungus	77
4.3	Manik Moden	79
4.4	Dokumentasi Manik Tradisional Rungus	82
4.5	Dokumentasi Manik <i>Pinakol</i>	84
	4.5.1 <i>Pinakol</i> dalam Pakaian Tradisional Masyarakat Rungus	85
	4.5.2 Analisis Manik <i>Pinakol</i>	89
4.6	Manik <i>Sandang</i> dalam Pakaian Tradisional Masyarakat Rungus	91
4.6.1	Analisis Manik <i>Sandang</i>	93
4.7	Manik <i>Sulao</i> dalam Pakaian Tradisional Masyarakat Rungus	95
4.7.1	Analisis Manik <i>Sulao</i>	96
4.8	Manik <i>Tinggot Togkol</i> dalam Pakaian Tradisional Rungus	97
4.8.1	Analisis Manik <i>Tinggot Togkol</i>	99
4.9	Manik <i>Inggot Kinangkaput</i> dalam Pakaian Tradisional Rungus	100
4.9.1	Analisis Manik <i>Inggot Kinangkaput</i>	102
4.10	Manik <i>Golingsung</i> dalam Pakaian Tradisional Rungus	104
4.10.1	Analisis Manik <i>Golingsung</i>	105
4.11	Manik <i>Orot</i> dalam Pakaian Tradisional Rungus	106
4.11.1	Analisis Manik <i>Orot</i>	107

4.12	Manik <i>Rampai</i> dalam Pakaian Tradisional Rungus	108
4.12.1	Analisis Manik <i>Rampai</i>	110
4.13	Manik <i>Sisingal do Tinggol</i> dalam Pakaian Tradisional Rungus	111
4.13.1	Analisis Manik <i>Sisingal do Tinggol</i>	112
4.14	<i>Tinggot Binorokilong</i>	114
4.15	<i>Inggot Binorokilong</i>	115
4.16	<i>Tinggot Tudtul</i>	116
4.17	<i>Litai Vinusak</i>	117
4.18	<i>Litai Tinutub</i>	119
4.19	<i>Litai Tinutub Besar</i>	120
4.20	<i>Litai Vinusak Tolutingkat</i>	122
4.21	<i>Golong Tulubanang</i>	123
4.22	<i>Golong Tolingo Godingan</i>	124
4.23	<i>Golong Igiu</i>	126
4.24	<i>Golong Tudtul</i>	127
4.25	<i>Golong Rungkopi</i>	128
4.26	<i>Golong Sinusukrabung</i>	129
4.27	<i>Golong Tolubanang Sakot</i>	131
4.28	<i>Bongkul Hakod Raboi</i>	132
4.29	Bongkul Hakod Sinusukrabung	134
4.30	Bongkul Hakod Sakot	135
4.31	<i>Poginitan Kunci Vinusak Igiu</i>	136
4.32	<i>Poginitan Kunci Tudtul</i>	138
4.33	Kategori Reka Bentuk dan Motif Manik Rungus	139
4.34	Nilai Manik dalam Budaya Masyarakat Rungus	142
4.35	Peranan Manik Masyarakat Rungus	143
4.36	Penutup	144

BAB 5: KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	146
5.2	Dokumentasi Kraf Manik	147
5.3	Kategori Kraf Manik	148
5.4	Simbolisme Manik Rungus	151
5.5	Cadangan atau Kajian lanjutan	154

5.6	Penutup	155
	BIBLIOGRAFI	157
	LAMPIRAN A	163
	LAMPIRAN B	164
	LAMPIRAN C	165




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	Halaman	
Gambar 1.1	Contoh Reka Corak	19
Gambar 1.2	Imej <i>Pinakol</i>	21
Gambar 2.1	Tali Pinggang Bermanik Tahang Biru	34
Gambar 2.2	Rantai Leher <i>Panggeh</i>	35
Gambar 2.3	Manik Berbentuk Sfera Merah Bata	35
Gambar 2.4	Manik Straw Minuman	37
Gambar 2.5	Manik Cangkerang Besar	38
Gambar 2.6	Pandangan Hadapan dan Belakang Busana Tradisional Bagi Kaum Wanita	49
Gambar 3.1	Manik Tradisional Masyarakat Rungus	67
Gambar 3.2	Manik Moden Masyarakat Rungus	68
Gambar 4.1	Manik Tradisional Masyarakat Rungus	78
Gambar 4.2	Manik Moden Masyarakat Rungus	80
Gambar 4.3	Imej Manik <i>Pinakol</i> pada Pakaian Tradisional Rungus	85
Gambar 4.4	Imej dan Ragam Hias Manik <i>Pinakol</i>	86
Gambar 4.5	Manik <i>Sandang</i> dalam Pakaian Rungus	92
Gambar 4.6	Manik <i>Sulao</i> Pada Pakaian Rungus	95
Gambar 4.7	Manik <i>Tinggot Togkol</i> Pada Pakaian Rungus	98
Gambar 4.8	Manik <i>Inggot Kinangkaput</i> Pada Pakaian Rungus	101
Gambar 4.9	Manik <i>Golingsung</i> Pada Pergelangan Tangan	104
Gambar 4.10	Manik <i>Orot</i> Pada Pinggang	106
Gambar 4.11	Manik <i>Rampai</i> Pada Sanggul Rambut	109
Gambar 4.12	Manik <i>Sisingal do Tinggol</i> Pada Kepala	111
Gambar 4.13	Imej Manik <i>Tinggot Binorokilong</i>	114
Gambar 4.14	Imej Manik <i>Inggot Binorokilong</i>	115
Gambar 4.15	Imej Manik <i>Tinggot Tudtul</i>	116
Gambar 4.16	Imej Manik <i>Litai Vinusak</i>	118
Gambar 4.17	Imej Manik <i>Litai Tinutub</i>	119
Gambar 4.18	Imej Manik <i>Litai Tinutub Besar</i>	121
Gambar 4.19	Imej Manik <i>Litai Vinusak Tolutingkat</i>	122
Gambar 4.20	Imej Manik <i>Golong Tulubanang</i>	123

Gambar 4.21	Imej Manik <i>Golong Tolingo Godingan</i>	125
Gambar 4.22	Imej Manik <i>Golong Igiu</i>	126
Gambar 4.23	Imej Manik <i>Golong Tudtul</i>	127
Gambar 4.24	Imej Manik <i>Golong Rungkopi</i>	128
Gambar 4.25	Imej Manik <i>Golong Sinusukrabung</i>	130
Gambar 4.26	Imej Manik <i>Golong Tolubanang Sakot</i>	131
Gambar 4.27	Imej Manik <i>Bongkul Hakod Raboi</i>	132
Gambar 4.28	Imej Manik <i>Bongkul Hakod Sinusukrabung</i>	134
Gambar 4.29	Imej Manik <i>Bongkul Hakod Sakot</i>	135
Gambar 4.30	Imej Manik <i>Poginitan Kunci Vinusak Igiu</i>	137
Gambar 4.31	Imej Manik <i>Poginitan Kunci Tudtul</i>	138




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1	Instrumen Nota Kerja Lapangan 61
Jadual 3.2	Jenis Manik Masyarakat Rungus 66
Jadual 3.3	Indikator Analisis Kajian Joseph Darracot (1991) 73
Jadual 3.4	Rubrik Kategori Motif 74
Jadual 4.1	Analisis Motif Manik <i>Pinakol</i> 90
Jadual 4.2	Analisis Motif Manik <i>Sandang</i> 94
Jadual 4.3	Analisis Motif Manik <i>Sulao</i> 97
Jadual 4.4	Analisis Motif Manik <i>Tinggot togkol</i> 100
Jadual 4.5	Analisis Motif Manik <i>Inggot Kinangkaput</i> 103
Jadual 4.6	Analisis Motif Manik <i>Golingsung</i> 105
Jadual 4.7	Analisis Motif Manik <i>Orot</i> 108
Jadual 4.8	Analisis Motif Manik <i>Rampai</i> 110
Jadual 4.9	Analisis Motif Manik <i>Sisingal do tinggol</i> 113
Jadual 4.10	Analisis Motif Manik <i>Tinggot Binorokilong</i> 114
Jadual 4.11	Analisis Motif Manik <i>Inggot Binorokilong</i> 116
Jadual 4.12	Analisis Motif Manik <i>Tinggot Tudtul</i> 117
Jadual 4.13	Analisis Motif Manik <i>Litai Vinusak</i> 118
Jadual 4.14	Analisis Motif Manik <i>Litai Tinutub</i> 120
Jadual 4.15	Analisis Motif Manik <i>Litai Tinutub Besar</i> 121
Jadual 4.16	Analisis Motif Manik <i>Litai Vinusak Tolutingkat</i> 123
Jadual 4.17	Analisis Motif Manik <i>Golong Tulubanang</i> 124
Jadual 4.18	Analisis Motif Manik <i>Golong Tolinggo Godingan</i> 125
Jadual 4.19	Analisis Motif Manik <i>Golong Igiu</i> 126
Jadual 4.20	Analisis Motif Manik <i>Golong Tudtul</i> 128
Jadual 4.21	Analisis Motif Manik <i>Golong Rungkopi</i> 129
Jadual 4.22	Analisis Motif Manik <i>Golong Sinusukrabung</i> 130
Jadual 4.23	Analisis Motif Manik <i>Golong Tolubanang Sakot</i> 132
Jadual 4.24	Analisis Motif <i>Bongkul Hakod Raboi</i> 133
Jadual 4.25	Analisis Motif <i>Bongkul Hakod Sinusukrabung</i> 134
Jadual 4.26	Analisis Motif <i>Bongkul Hakod Sakot</i> 136
Jadual 4.27	Analisis Motif <i>Poginitan Kunci Vinusak Igiu</i> 137

Jadual 4.28	Analisis Motif <i>Poginitan Kunci Tudtul</i>	139
Jadual 4.29	Kategori Motif Flora dan Fauna	140
Jadual 4.30	Kategori Motif Alam Sekitar	141
Jadual 4.31	Kategori Motif Manusia	142
Jadual 5.1	Pengkelasan Motif Manik Rungus	149
Jadual 5.2	Simbolisme Motif Manik Rungus	152



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Carta Alir Strategi Penyelidikan	13
Rajah 1.2	Peta Lokasi Kajian	14
Rajah 1.3	Petempatan Masyarakat Rungus	14
Rajah 1.4	Struktur Rekaan dan Corak	18
Rajah 1.5	Motif <i>Pinakol</i>	22
Rajah 3.1	Kerangka (Carta Alir) Strategi Penyelidikan	63
Rajah 3.2	Model Analisis Penulisan Joseph Darracott (1991)	75
Rajah 4.1	Struktur dan Penggunaan Manik pada Pakaian Wanita	83
Rajah 4.2	Motif asas <i>pinakol</i>	86
Rajah 4.3	Variasi corak <i>pinakol</i>	88
Rajah 4.4	Bentuk Asas <i>Sandang</i>	92
Rajah 4.5	Variasi Corak <i>Sandang</i>	93
Rajah 4.6	Bentuk Asas <i>Sulao</i>	96
Rajah 4.7	Ragam Hias Manik <i>Sulao</i>	96
Rajah 4.8	Bentuk Asas Manik <i>Tinggot Togkol</i>	98
Rajah 4.9	Ragam Hias Manik <i>Tinggot Togkol</i>	99
Rajah 4.10	Bentuk Asas Manik <i>Inggot Kinangkaput</i>	101
Rajah 4.11	Ragam Hias Manik <i>Inggot Kinangkaput</i>	102
Rajah 4.12	Bentuk Asas dan Ragam Hias Manik <i>Inggot Kinangkaput</i>	105
Rajah 4.13	Bentuk Asas Manik <i>Orot</i>	107
Rajah 4.14	Ragam Hias Manik <i>Orot</i>	107
Rajah 4.15	Bentuk Asas Manik <i>Rampai</i>	109
Rajah 4.16	Ragam Hias Manik <i>Rampai</i>	109
Rajah 4.17	Bentuk Asas Manik <i>Sisingal do Tinggol</i>	112
Rajah 4.18	Ragam Hias Manik <i>Sisingal do Tinggol</i>	112

SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
LAMPIRAN A	Informan	163
LAMPIRAN B	Glosari	164
LAMPIRAN C	Gambar Kajian	165



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Kraf tangan ditakrifkan sebagai perusahaan (kerja, seni dan sebagainya) yang memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan (Kamus Dewan Edisi Ke Empat). Manakala, menurut Akta-222, Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 pula mendefinisikan kraf tangan itu sebagai barangan yang dihasilkan menggunakan kemahiran tangan, dikeluarkan dengan atau tanpa menggunakan alat atau peralatan mudah yang dijalankan secara sendiri atau tidak langsung oleh pengusaha-pengusaha kraf.

Melalui takrifan kraf tangan yang dinyatakan di atas, jelaslah kebanyakan usahawan kraf di Malaysia dikategorikan sebagai pengusaha mikro dan kecil sahaja berdasarkan kepada jumlah modal berbayar, bilangan pekerja dan jualan tahunan yang direkodkan sementalahan, hasil atau keluaran kraf pula lazimnya bersifat sederhana dan tidak pula terlalu kompleks seperti keluaran lain (Wan Hashim Wan Teh, 1996:2).

Dalam hubungan ini, "Keluaran Kraf tangan" pula diistilahkan sebagai apa-apa keluaran artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan adalah hasil daripada sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan dan termasuklah barang utiliti harian. Walau bagaimanapun kraf yang dihasilkan, mempunyai reka bentuk pada objek serta utiliti atau di mana-mana sahaja bahagiannya. (Akta-222, Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979).

Pada umumnya mengetahui bahawa daerah Kudat sememangnya banyak menghasilkan pelbagai jenis kraftangan yang unik dan cantik termasuklah juga seperti kraf manik yang boleh diketengahkan produknya itu sehingga ke persada antarabangsa. Bertitik tolak daripada itu, maka tidak hairanlah kerajaan menerusi

Perbadanan Kraf tangan Malaysia sentiasa merencanakan pelbagai langkah ideal demi memastikan warisan seni kraf turun-temurun ini tidak akan luntur ditelan zaman kelak.

Hal ini termasuklah dengan menganjurkan program Promosi Kraf Malaysia di Kota Kinabalu yang bertujuan untuk memelihara dan meningkatkan lagi martabat seni kraf termasuklah seni kraf manik seperti dihasilkan masyarakat Rungus di daerah Kudat ini. Malahan bagi pengusaha kraf di Kudat, industri kraf bukan sahaja dapat memelihara kesenian negara bangsa sejak turun-temurun tetapi juga menjadi bidang yang boleh dimajukan di samping menjadi sumber penjana pendapatan masyarakat sejabat.

Manik merupakan salah satu bahan artifak yang awal dicipta oleh manusia, iaitu sejak puluhan ribu tahun yang lalu. Manik diperbuat daripada pelbagai material dan mengandungi pelbagai bentuk dan warna. Pada awalnya, manik dicipta sebagai barang perhiasan tubuh dan kemudiannya berkembang menjadi bahan bekalan kubur, keagamaan, mata wang, hantaran kahwin, azimat, ritual, simbol kemewahan dan sebagai hadiah. Manik di antara bahan terawal yang diperdagangkan lebih 6000 tahun yang lalu¹. Bahan manik juga adalah antara bahan terpenting dalam perdagangan di Asia Tenggara dan sering ditemui di tapak-tapak arkeologi di rantau berkenaan begitu juga penemuan di kawasan Borneo.

Melalui gelaran "Negeri di Bawah Bayu", Sabah bukan sahaja kaya dengan keindahan alam semula jadi tetapi kaya dengan warisan budaya penduduknya. Kumpulan etnik yang utama di Sabah terdiri daripada Kadazan Dusun, Bajau, Irranun, Rungus dan Murut yang tinggal di kawasan pedalaman dan Pantai Barat. Keunikan budaya etnik ini sedikit sebanyak mempengaruhi ekonomi masyarakat di negeri ini. Antara yang dapat diperhatikan ialah melalui penghasilan kraftangan. Kraftangan yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri seni yang melambangkan identiti etnik berkenaan. Kraftangan ini ada yang digunakan sewaktu berlangsungnya majlis perkahwinan, sebagai hantaran pertunangan mahupun dalam adat ritual dahulu kala.

¹ Hanapi Haji Maidin dalam Seminar Seni Manik 2015, Muzium Negeri Sabah (9 Oktober 2015).

Masyarakat Rungus dilihat paling banyak mengetengahkan penggunaan manik dalam barangan kraftangan yang dihasilkan. Antara barang perhiasan yang selalu diperagakan adalah *pinakol*. *Pinakol* merujuk kepada hiasan gubahan manik yang dipakai oleh masyarakat Rungus di utara Sabah, Kudat. Gubahan manik *Pinakol* telah menjadi warisan turun temurun dalam kalangan masyarakat Rungus di Kudat. *Pinakol* menjadi pusaka turun temurun dalam keluarga Rungus di sebelah perempuan, iaitu peninggalan ibu kepada anaknya perempuan.

Pinakol terdiri daripada sepasang tali pinggang jenis selempang bermanik leper yang dikenakan melintang dada ke belakang bagi kegunaan hiasan biasa. Sejenis lagi biasanya dikenakan pada tradisi perkahwinan suku kaum Rungus di Kudat. Hasil kerja manik, warna yang digunakan dan reka bentuknya dapat membezakan etnik Rungus dari etnik lain di Sabah dengan mudah. *Pinakol* sering dikenakan bersama pakaian tradisi masyarakat Rungus yang kebiasaannya berwarna hitam.

Hasil kerja manik *Pinakol* seringkali memiliki erti, satu contoh yang menjadi kajian adalah mengenai seorang pemburu yang memburu haiwan sungai dengan menggunakan lembing (Irene Benggon, 1992:14).

Terdapat beberapa jenis *Pinakol* iaitu *Pinakol*, *Litai Sabah*, *Litai Vinusak*, *Tinutub* dan *Inavol*. *Pinakol* turut dikenakan bersama hiasan lain seperti *rampa*² dan *tinggo*³. Kraftangan unik ini menjadi perhiasan penting untuk dikenakan bersama pakaian masyarakat Rungus dan turut menjadi simbolik adat istiadat kematian dan perkahwinan dalam etnik Rungus. Manik yang berasaskan warna hitam, putih dan merah merupakan warna asas yang sering digunakan oleh masyarakat Rungus. Antara fungsi *pinakol* ialah sebagai perhiasan lengkap semasa upacara perkahwinan, warisan turun temurun ibu kepada anak perempuan dan dipakai oleh ahli keluarga setelah selesai majlis pengebumian.

² Manik yang dipakai di bahagian dahi masyarakat Rungus.

³ Manik yang dipakai di bahagian leher seperti rantai.

Masyarakat Rungus sememangnya memiliki pelbagai kraf yang menampilkan motif yang unik berasaskan flora, fauna, orang, kosmologi, mahupun alam. Dokumentasi motif dari segi elemen formal dan makna atau simbolisme motif perlu dikekalkan serta perlu diteroka dengan lebih mendalam sebagai bidang ilmu dan penyelidikan.

1.2 Permasalahan Kajian

Jika dilihat pada corak hidup masa kini yang mengalami arus pemodenan seiring kemajuan teknologi yang berkembang dengan pesat, keaslian dan ketulenan warisan masyarakat terdahulu semakin terhakis. Asimilasi budaya yang membabitkan konsep rekaan dalam kraf tangan turut mempengaruhi etnik seperti Dusun, Bajau Ubian dan Dusun Tindal. Kraftangan masyarakat Rungus dilihat semakin berkembang dan mengalami perubahan reka bentuk, warna serta pelbagai motif baru yang timbul hasil kreativiti pengusaha kraf tangan itu sendiri. Masyarakat ini dilihat dominan menggunakan manik untuk menghasilkan kraf tangan yang pelbagai jenis seperti gelang tangan, gelang kaki, rantai kunci dan sebagainya. Hal ini sebenarnya sedikit sebanyak menghilangkan identiti asal masyarakat Rungus itu sendiri kerana penggunaan barang kraf tangan unik tersebut tersasar daripada fungsi asal penggunaannya.

Pembuatan kraf manik terdahulu berkait rapat dengan pemikiran masyarakat Rungus ketika itu yang kaya dengan kreativiti ciptaan hasil tangan mereka sendiri. Hasil kraf tangan yang mereka cipta perlu mendapat persetujuan daripada bobolian kerana mempunyai spiritual pada setiap kraf yang dibuat⁴. Hal ini menyebabkan kraf manik yang dibuat perlu dijaga dengan baik dan sempurna. Generasi masa kini tidak berpandukan pada adat isitiadat terdahulu dalam menghasilkan kraf manik yang bermutu. Hal ini menyebabkan banyak lambakan kraf manik dibuat untuk jualan di pasaran dan hanya untuk mendapat keuntungan sahaja. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa nilai budaya ditolak ke tepi semata-mata demi mendapat habuan yang lebih besar.

⁴ Inulisan binti Sasam. 56 tahun. Muzium Sabah. Pembuat kraf. (1 Mac 2018).

Barangan kraf manik ini dilihat sangat unik kerana setiap kraf yang dihasilkan mempunyai motif yang pelbagai jenis bentuk seperti alam, flora dan fauna serta kosmos. Motif yang ditonjolkan dalam kraf manik ini kebiasaannya melambangkan identiti masyarakat Rungus itu sendiri. Setiap motif yang dihasilkan mempunyai nilai dan makna yang tersirat dan ada sesetengahnya sebagai azimat atau tangkal kepada si pemakai. Gabungan motif-motif ini menghasilkan satu corak yang abstrak dan hanya difahami oleh golongan yang lebih tua mahupun si pembuat motif itu sendiri.

Keadaan ini sebenarnya menyebabkan masyarakat kini tidak tahu makna atau simbolik pada setiap motif yang terdapat pada barangan kraf manik yang dihasilkan. Mereka hanya tahu menggayakan barangan tersebut tanpa ingin mengetahui makna tersirat motif yang dihasilkan pada barangan tersebut. Pengkaji perlu meneliti dan menggali sedalamnya tentang makna di sebalik motif yang dihasilkan agar generasi sekarang mengetahui dan lebih menghargai identiti kaum masing-masing terutama dalam etnik Rungus ini sendiri.

Pembuatan barangan kraf ini sememangnya memerlukan penelitian yang sangat jelas serta komitmen yang tinggi agar barangan kraf yang dihasilkan mempunyai kualiti yang baik. Pengkaji meneliti bagaimana kraf manik dihasilkan iaitu agak kompleks kerana simpulan tali dari pelbagai arah memerlukan kesabaran yang tinggi serta perlu fokus untuk membuatnya. Pembuat kraf yang sudah biasa membuatnya tidak menjadi masalah kerana mereka sudah mahir dan selalu melakukannya.

Generasi kini tidak tahu membuat barangan kraf tangan unik ini kerana cara membuatnya yang agak sukar dan perlu kemahiran yang baik serta kreatif menghasilkan sesuatu produk. Disebabkan hal ini, barangan kraf manik ini hanya diusahakan oleh golongan yang lebih tua dan ada yang sudah uzur. Keadaan ini dikhuatiri akan menyebabkan barangan kraftangan unik masyarakat Rungus ini akan pupus dan hanya tinggal dalam kenangan. Oleh itu, melalui kajian ini diharap generasi muda akan lebih peka dan mempunyai rasa tanggungjawab untuk bersama-sama dalam memartabatkan seni kraf tangan bagi masyarakat Rungus ini.